



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2016/2017

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SJ 4302
Nama Kursus : Acara Sivil Di Mahkamah Syariah
Peringkat Kursus : Sarjana Muda Syariah
(Fiqh & Kehakiman)
Masa : 3 jam

Rujukan Dibenarkan:

Perintah Acara Mal 2005

Nota :

1. Jawab **lima** soalan sahaja dari enam soalan berikut.
2. Soalan **pertama** adalah **wajib**.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (20 markah)

a) Prinsip penghinaan mahkamah di Mahkamah Syariah pada asasnya diambil dari amalan di Mahkamah Awam. Oleh kerana prinsip ini tidak bertentangan dengan hukum syarak, malah menegakkan prinsip ini akan menambahkan lagi kemuliaan dan kehormatan Mahkamah Syariah, maka prinsip ini juga diguna pakai dan menjadi teras kepada Mahkamah Syariah untuk mempertahankan kewibawaan dan integritinya.

i. Jelaskan bagaimanakah cara mengendalikan prosiding penghinaan di dalam mahkamah (secara langsung)?

(3 markah)

ii. Berikan dua (2) contoh kes yang berkaitan dengannya sebagaimana yang telah awda pelajari.

(7 markah)

b) Merujuk Bahagian XX, Penggal XVII dan XVIII, Perintah Acara Mal, 2005 ada memperuntukkan mengenai Prosiding Interlokutari dan Perintah Interim.

i. Adakah Permohonan Interlokutari dan Perintah Interim boleh dipohonkan sebelum kes induk difailkan? Hujahkan.

(5 markah)

ii. Berapa lamakah tempoh sah perintah *ex-parte* setelah ianya dikeluarkan oleh mahkamah? Jelaskan.

(5 markah)

Soalan Kedua (10 markah)

Sebagaimana yang dipelajari, bincangkan mengenai dua (2) kes berikut:

i. *Abdul Hamid bin Kamaruddin lwn Rohaya binti Mohamad*

(5 markah)

ii. *Nor Azla bt Mohd Yusof lwn Man bin Nasir*

(5 markah)

Soalan Ketiga (10 markah)

Bahagian VIII Perintah Acara Mal, 2005 memperuntukkan mengenai Pliding.

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan Pliding? (2 markah)
- ii. Mengapa Pliding diperlukan? (3 markah)
- iii. Prinsip Pliding adalah mengikat diri pihak-pihak yang membuatnya. Hujahkan. (5 markah)

Soalan Keempat (10 markah)

(a) Tiap-tiap pliding perlu mengandungi butir-butir yang cukup bagi fakta-fakta yang menjadi sandaran kepada tuntutan atau pembelaan tersebut.

- i. Bagaimana cara untuk meminta atau memohon butir-butir lanjut? (3 markah)
- ii. Drafkan permohonan butir-butir lanjut bagi Pernyataan Tuntutan berikut:
 - 1. Plaintiff telah bernikah dengan Defendan
 - 2. Defendan tidak memberi nafkah kepada Plaintiff
 - 3. Defendan telah melafazkan cerai terhadap Plaintiff

(3 markah)

(b) Jelaskan perbezaan antara Pliding dan Affidavit.

(4 markah)

Soalan Kelima (10 markah)

Proses perbicaraan penuh adalah merupakan suatu proses utama sebelum kes tersebut diputuskan oleh mahkamah. Ia memerlukan penglibatan penuh daripada semua pihak termasuklah plaintif, defendan, peguam masing-masing, saksi dan sebagainya.

Nyatakan dengan terperinci prosedur atau tatacara perbicaraan penuh bagi kes-kes mal atau sivil di Mahkamah Syariah.

(10 markah)

Soalan Keenam (10 markah)

a) Permohonan merupakan salah satu cara untuk memulakan prosiding di Mahkamah Syariah. Permohonan ini terbahagi kepada dua (2) jenis.

i. Sebutkan apakah dua (2) jenis permohonan itu?

(1 markah)

ii. Nyatakan prosedur untuk memulakan tindakan bagi kedua-dua permohonan tersebut?

(3 markah)

iii. Berikan alasan mengapa salah satu permohonan tersebut lebih dikenali sebagai kes yang dimulakan dengan “saman”?

(1 markah)

b) Pindaan adalah satu kaedah bagi pihak-pihak membetulkan, mengubah atau menambah pliding yang mereka buat.

i. Nyatakan cara pindaan pliding sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perintah Acara Mal, 2005.

(2 markah)

ii. Nyatakan cara pindaan pliding mengikut amalan.

(3 markah)